

SOALAN NO: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bagaimanakah perkembangan "Traditional Complementary Medicine" (TCM) di negara kita dan apakah usaha Kementerian untuk memperkenalkan TCM di Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak dapat menafikan bahawa penggunaan amalan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) telah memainkan peranan penting dalam pemeliharaan dan penjagaan kesihatan rakyat Malaysia. Dengan mengambil kira potensi dan implikasi PT&K dari segi kesihatan, ekonomi dan sosial, pihak KKM telah mengambil pendekatan yang proaktif untuk mengintegrasikan PT&K ke dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan. Akan tetapi, konsep PT&K yang diketengahkan di KKM adalah sebagai pelengkap atau

komplementari kepada perubatan moden dan bukan merupakan rawatan alternatif.

Tuan Yang Dipertua,

Antara usaha-usaha KKM dalam membangunkan dan memperkembangkan bidang PT&K adalah seperti berikut:

1. Dasar PT&K Kebangsaan

KKM telah melancarkan Dasar PT&K Kebangsaan pada tahun 2001 dengan tujuan untuk mengintegrasikan PT&K ke dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan;

2. Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK)

Selaras dengan pelancaran dasar tersebut, Kementerian telah menubuhkan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) pada tahun 2004. Bahagian ini bertanggungjawab memastikan PT&K adalah selamat dan berkualiti demi kesejahteraan rakyat;

3. Pejabat Cawangan PT&K

Usaha BPTK turut dibantu oleh Pejabat Cawangan PT&K yang ditubuhkan mulai tahun 2009. Sehingga hari ini, pihak KKM telah menubuhkan enam Pejabat Cawangan PT&K Negeri yang

meliputi Zon Tengah (Perak), Zon Pantai Timur (Terengganu), Zon Utara (Pulau Pinang), Zon Selatan (Johor), Sabah dan Sarawak;

4. Unit PT&K di fasiliti kesihatan kerajaan

KKM juga telah menubuhkan Unit PT&K di fasiliti kesihatan kerajaan untuk memastikan perkhidmatan PT&K yang selamat dan berkualiti dapat disediakan untuk manfaat rakyat Malaysia. Projek perintis ini dijalankan secara berperingkat mulai tahun 2007 dan sehingga kini, terdapat 17 fasiliti kesihatan kerajaan yang menyediakan perkhidmatan PT&K. Perkhidmatan PT&K yang ditawarkan adalah rawatan urut tradisional, akupuntur, rawatan tradisional postnatal, Shirodhara, terapi *External Basti* dan rawatan herba untuk mengurangkan kesan sampingan rawatan kanser;

5. Penjagaan di peringkat kesihatan primer

Susulan daripada penubuhan Unit PT&K di Klinik Kesihatan Masai, Johor dan Klinik Kesihatan Meranti, Pasir Mas, Kelantan yang menawarkan rawatan tradisional postnatal, pihak Kementerian turut berusaha untuk memperkembangkan perkhidmatan PT&K di peringkat penjagaan kesihatan primer;

6. Akta PT&K 2016 [Akta 775]

Aktiviti PT&K sebelum ini dijalankan secara swa-kawal (*self-regulated*) sehingga 1 Ogos 2016 di mana Akta PT&K 2016 [Akta 775] dikuatkuasakan. Akta ini bertujuan untuk meningkatkan

profesionalisme pengamal dan memastikan perkhidmatan PT&K di Malaysia adalah selamat dan berkualiti;

Untuk makluman Ahli Dewan semua, Akta 775 adalah suatu Akta yang mengawalselia amalan dan pengamal PT&K di Malaysia serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Oleh demikian, mana-mana individu yang ingin mengamal dalam bidang amalan yang diiktiraf adalah wajib untuk berdaftar dengan Majlis PT&K yang akan ditubuhkan kelak. Kegagalan individu tersebut untuk berdaftar boleh dikenakan tindakan perundangan.

7. Pendidikan dalam bidang PT&K

Selain aktiviti pengawalseliaan dari segi undang-undang, pendidikan turut memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan profesionalisme pengamal PT&K. Sehingga kini, 12 standard dan kriteria bagi program akademik PT&K di peringkat ijazah dan diploma telah disediakan dan terdapat 11 institusi pendidikan tinggi swasta yang menawarkan program PT&K di Malaysia;

8. Kajian berkenaan bidang PT&K

KKM juga telah meningkatkan usaha untuk menjalankan kajian ke atas penggunaan herba dan bidang amalan seperti akupuntur dan urutan Melayu. Usaha-usaha penyelidikan adalah bertujuan untuk memperkuatkan pembuktian (*evidence-based*) amalan PT&K agar ia selamat dan berkualiti;

9. Kempen promosi kesedaran masyarakat berkenaan PT&K

Pihak Kementerian telah banyak berkolaborasi dengan agensi kerajaan dan pihak swasta dalam mengadakan kempen promosi kesedaran untuk memperkasakan pengguna berkenaan hak mereka untuk mendapatkan perkhidmatan PT&K yang selamat dan berkualiti; dan

10. Kolaborasi strategik di peringkat antarangsa

Kementerian ini juga telah menandatangani *Memorandum of Understanding (MOU)* dengan Kerajaan India, China dan negara-negara ASEAN seperti Brunei Darussalam, Indonesia dan Thailand. Sebagai contoh, kolaborasi bersama dengan Kerajaan India dan China telah menggalakkan aliran pakar PT&K yang berkemahiran tinggi dan berpengalaman ke Malaysia. Pakar-pakar PT&K ini telah menyumbangkan tenaga dalam menyediakan perkhidmatan PT&K di hospital kerajaan yang terpilih, melaksanakan pemindahan teknologi kepada pengamal PT&K tempatan serta membantu menjayakan kajian PT&K.

Kementerian ini turut berkolaborasi dengan pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Antarabangsa (WHO) dan ASEAN *Task Force On Traditional Medicine* yang telapihak Kementerian dalam menghadapi cabaran sedia ada dan mengenalpasti peluang untuk memperkembangkan bidang PT&K di Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

KKM telah melaksanakan pelbagai usaha ke arah memartabatkan PT&K di Malaysia dan ia akan diteruskan demi memastikan perkhidmatan PT&K adalah berkualiti, selamat dan berkesan. Ini turut menunjukkan pengiktirafan pihak Kementerian terhadap sumbangan PT&K dalam pemeliharaan dan penjagaan kesihatan rakyat Malaysia.